

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN M. KULASEGARAN [IPOH BARAT]

TARIKH : 16.6.2014

SOALAN :

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi dan menangani kemelut kesesakan pelajar di sekolah-sekolah Cina dan Tamil di kawasan bandar; dan
- (b) bilangan pelajar yang telah dihad dan ditetapkan oleh Kerajaan untuk setiap kelas. Berapakah jumlah kelas yang tidak mematuhi peraturan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang berusaha untuk mengatasi kepadatan sesebuah sekolah yang melibatkan semua sekolah di kawasan bandar termasuk SJK(C) dan SJK(T). Melalui inisiatif di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, KPM bercadang untuk menukar sekolah padat menjadi sekolah satu sesi dengan merancang beberapa pendekatan dalam merealisasikan inisiatif tersebut. KPM juga sedang menyediakan perancangan strategik jangka panjang yang melibatkan perancangan pembangunan pendidikan RMKe-11 dan RMKe-12 yang melibatkan pembinaan sekolah baharu, bangunan tambahan dan gantian bagi menukarkan sekolah padat menjadi sekolah satu sesi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saiz kelas yang melebihi 35 orang murid per kelas di sekolah-sekolah tertentu terutama di kawasan bandar adalah disebabkan oleh kekurangan bilik darjah fizikal di sekolah-sekolah tersebut. Keadaan ini disebabkan oleh ketiadaan tapak untuk membina bilik-bilik darjah tambahan bagi menampung bilangan murid yang ramai. Di samping itu, kecenderungan ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah pilihan adalah antara faktor yang turut menyumbang kepada kesesakan di sesebuah sekolah.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, saiz kelas yang dicadangkan dalam Pekeliling Pentadbiran Bil 3/1967 (Pindaan 1982) ialah antara 25 hingga 35 orang murid per kelas. Pada masa ini purata saiz kelas bagi sekolah rendah ialah 30 orang murid per kelas, manakala bagi sekolah menengah ialah 33 murid per kelas. Namun begitu, sekolah-sekolah di bandar umumnya mempunyai kelas yang besar sehingga mencapai 45 murid per kelas. Sementara itu, terdapat sekolah-sekolah kecil di luar bandar dengan saiz kelas kurang daripada 15 murid per kelas.